

KPDNHEP kaji nilai ambang keterhutangan syarikat RM50,000

KUALA LUMPUR – Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal (KPDNHEP) akan mengkaji kesesuaian nilai ambang keterhutangan syarikat RM50,000 jika terdapat keperluan untuk berbuat demikian.

Menterinya, Datuk Seri Alex-

ander Nanta Linggi berkata, kementeriannya sensitif terhadap keadaan semasa memandangkan banyak syarikat sedang berdepan masalah ketika ini.

“KPDNHEP sentiasa sensitif akan keperluan. Jika ada keperluan ditingkatkan nilai ambang

kebankrapan ini mungkin kita buat kajian dulu.

“Cadangan ini saya anggap cadangan yang baik sebab banyak syarikat sedang menghadapi masalah. Kita akan teliti,” katanya pada sidang Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Hasanuddin Mohd. Yunus (**PH-Hulu Langat**) sama ada kerajaan akan meningkatkan nilai ambang keterhutangan syarikat bagi mengelakkan banyak syarikat kontraktor terpaksa gulung tikar.



ALEXANDER